

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



Tindakbalas Pelabur Terhadap Syarikat Tersenarai Sebagai PN17 dan GN3

¹A'tiqah Rashidah binti Abu Samah, ¹Roseziahazni Abdul Ghani, ¹Zuraida Mohamad,
¹Noorhayati Yusof Ali, ¹Zuriyati Ahmad

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Photo by Jia Le on Unsplash

16 Tindakbalas Pelabur Terhadap Syarikat PN17 dan GN13 **eISSN 2600-9811**

Antara isu panas kebelakangan ini berkaitan dengan kerugian besar syarikat-syarikat yang diapungkan di Bursa Malaysia.

Syarikat yang pada suatu masa dahulu merupakan syarikat yang mempunyai nilai pasaran tinggi seperti Serba Dinamik Holdings Berhad dan Airasia X Berhad contohnya akhirnya terpaksa akur dengan situasi global dan gagal mengekalkan prestasi cemerlang.

Syarikat-syarikat bermasalah akan diklasifikasikan sebagai PN17 dan GN3. PN17 merujuk kepada Nota Amalan 17/2005 dan dikeluarkan oleh Bursa Malaysia; berkaitan dengan syarikat yang mengalami masalah kewangan. Syarikat yang termasuk dalam takrifan PN17 perlu mengemukakan cadangan mereka kepada pihak berkuasa untuk menyusun semula dan memulihkan syarikat bagi mengekalkan status penyenaian. Sebelum tahun 2005, syarikat tersenarai yang berada dalam keadaan PN17 ini diklasifikasikan di bawah PN4. Manakala status GN3 merujuk kepada syarikat bermasalah yang disenaraikan di Pasaran ACE

Syarikat-syarikat bermasalah ini mengalami penurunan harga dan merugikan para pelabur. Ramai mengeluh kerana kejatuhan harga ini telah mengikis modal pelaburan asal. Pengurus dana besar PNB contohnya terpaksa menanggung kerugian melalui pelaburan dalam Serba Dinamik Holdings Berhad. Kejatuhan harga bermula apabila firma audit KPMG didedahkan tidak dapat mengesahkan kontrak dan transaksi berjumlah RM3.5 bilion dengan 11 pelanggannya sehingga mendorong Suruhanjaya Sekuriti menjalankan siasatan. Carta menunjukkan kejatuhan harga saham Serba Dinamik.

Sehingga 5 April 2022, terdapat sejumlah 27 syarikat yang diklasifikasikan di bawah PN17 dan GN3 yang mewakili 2.91% daripada



eISSN 2600-9811

jumlah keseluruhan 927 syarikat yang disenaraikan di Pasaran Utama dan Pasaran ACE Bursa Malaysia. Status syarikat-syarikat ini dinyatakan di bawah

Syarikat PN17 dan GN3

Dikemaskini pada: 5 April 2022

1. PN17 Companies
2. AIRASIA X BERHAD
3. ASIA MEDIA GROUP BERHAD
4. BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BERHAD
5. BERTAM ALLIANCE BERHAD
6. BRAHIM'S HOLDINGS BERHAD
7. CAPITAL A BERHAD (FORMERLY KNOWN AS AIRASIA GROUP BERHAD)
8. CHINA AUTOMOBILE PARTS HOLDINGS LIMITED
9. COMINTEL CORPORATION BERHAD
10. DAYA MATERIALS BERHAD
11. DOLOMITE CORPORATION BERHAD
12. E.A. TECHNIQUE (M) BERHAD
13. FSBM HOLDINGS BERHAD
14. IOZAN HOLDING BERHAD (FORMERLY KNOWN AS IRE-TEX CORPORATION BERHAD)
15. IREKA CORPORATION BERHAD
16. JERASIA CORPORATION BERHAD
17. KHEE SAN BERHAD
18. KONSORTIUM TRANSNASIONAL BERHAD
19. MALAYSIA PACIFIC CORPORATION BERHAD
20. PERAK CORPORATION BERHAD
21. SCOMI ENERGY SERVICES BERHAD
22. SCOMI GROUP BERHAD
23. SEACERA GROUP BERHAD
24. SERBA DINAMIK HOLDINGS BERHAD
25. TH HEAVY ENGINEERING BERHAD
26. TOP BUILDERS CAPITAL BERHAD

GN3 Companies

1. G NEPTUNE BERHAD
2. IDIMENSION CONSOLIDATED BERHAD

Rujukan

Syarikat PN17 Dan GN3. (n.d.). Retrieved April 27, 2022, from https://www.bursamalaysia.com/bm/trade/trading_resources/listing_directory/pn17_and_gn13_companies



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com